6. Yang Diinsuranskan atas perbelanjaan Penginsurans, hendaklah melakukan dan bersetuju untuk melakukan dan membenarkan dilakukan segala tindakan dan perkara yang perlu atau dikehendaki oleh Penginsurans untuk menjaga kepentingan sebarang hak atau remedi, atau untuk mendapatkan penyelesaian atau ganti rugi daripada pihak-pihak (selain daripada yang diinsuranskan di bawah Polisi ini) yang mana Penginsurans berhak atau layak mendapat hak atau menuntut selepas mereka membayar untuk atau membaiki semula sebarang kehilangan atau kerosakan di bawah Polisi ini, sama ada tindakan dan perkara sedemikian perlu atau dikehendaki dilakukan sebelum atau selepas Penginsurans membayar ganti rugi kepada Yang Diinsuranskan.
7. Jika timbul sebarang percanggahan mengenai jumlah yang perlu dibayar di bawah Polisi ini (dengan tanggungan diakui dari segi lain), percanggahan itu hendaklah diputuskan oleh seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, atau jika mereka tidak bersetuju dengan Penimbangtara tunggal, diputuskan oleh dua Penimbangtara yang masing-masing dilantik secara bertulis oleh kedua pihak, dalam tempoh satu bulan selepas diperlukan berbuat demikian secara bertulis oleh salah satu pihak, atau seandainya kedua-dua Penimbangtara tidak boleh mencapai persetujuan maka ia hendaklah diputuskan oleh seorang Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh kedua Penimbangtara sebelum mendengar perkara yang dirujuk. Pengadil akan duduk bersama kedua Penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat mereka. Keputusan mesti dibuat sebagai syarat sebelum mana-mana pihak berhak mengambil tindakan terhadap Penginsurans.

8. Jika sesuatu tuntutan tidak benar dalam sebarang hal, atau jika sebarang perakuan palsu dibuat atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika sebarang cara atau kaedah penipuan digunakan oleh Yang Diinsuranskan atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapat sebarang faedah di bawah Polisi ini, atau jika sebarang tuntutan dibuat dan ditolak dan tiada tindakan atau saman dimulakan dalam tempoh tiga bulan selepas penolakan sedemikian, atau sekiranya penimbangtaraan dibuat seperti yang ditetapkan di sini, dalam tempoh tiga bulan selepas Penimbangtara atau Pengadil membuat keputusan mereka, segala faedah di bawah Polisi ini akan terbatal.
9. Jika pada waktu sebarang tuntutan timbul di bawah Polisi ini terdapat sebarang insurans lain yang melindungi kehilangan, kerosakan atau tanggungan yang sama, Penginsurans tidak akan bertanggungjawab membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian perkadaran mereka bagi sebarang tuntutan terhadap kehilangan, kerosakan atau tanggungan sedemikian.

SEKSYEN I – KEROSAKAN BARANGAN

Penginsurans dengan ini bersetuju dengan Yang Diinsuranskan bahawa jika pada bila-bila masa dalam tempoh perlindungan, barang-barang yang dimasukkan dalam Jadual atau mana-mana bahagian daripadanya mengalami sebarang kehilangan atau kerosakan fizikal secara tiba-tiba dan tidak diduga atas sebarang sebab, selain daripada yang dikecualikan secara khusus, dalam cara yang memerlukan pembaikan atau penggantian, Penginsurans akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan terhadap kehilangan atau kerosakan sedemikian seperti yang ditetapkan seterusnya, menerusi pembayaran tunai, penggantian atau pembaikan (mengikut pilihan mereka) setakat satu jumlah yang tidak melebihi jumlah yang ditetapkan bagi setiap barang yang dimasukkan dalam Jadual dan, di mana berkenaan, tidak melebihi had perlindungan kerugian bagi mana-mana satu kejadian dan kesemuanya tidak melebihi jumlah besar yang dinyatakan dalam Jadual sebagai diinsuranskan di bawah ini.

Penginsurans juga akan membayar balik kepada Yang Diinsuranskan kos pembuangan serpihan selepas berlaku sebarang kejadian yang menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini dengan syarat jumlah berasingan untuknya telah dimasukkan ke dalam Jadual.

Pengecualian Khas kepada Seksyen I

Syarikat Insurans tidak akan, bagaimanapun, bertanggungjawab terhadap

- a) jumlah boleh dipotong yang dinyatakan dalam Jadual sebagai perlu ditanggung oleh Yang Diinsuranskan bagi mana-mana satu kejadian;
- b) sebarang jenis atau bentuk kerugian yang berbangkit termasuk denda, kerugian akibat kelewatan, kegagalan menyempurnakan, kehilangan kontrak;
- c) kerugian atau kerosakan akibat kesilapan reka bentuk;
- d) kos penggantian, pembaikan atau pembetulan bahan dan/atau hasil kerja yang tidak memuaskan, bagaimanapun pengecualian ini terhad kepada kerja yang terjejas secara langsung dan tidak boleh dianggap sebagai mengecualikan kerugian atau kerosakan kepada kerja yang dilaksanakan dengan betul akibat daripada kemalangan yang disebabkan oleh bahan dan/atau hasil kerja yang tidak memuaskan;
- e) kehausan dan kerosakan, kakisan, pengoksidaan, kemerosotan kerana kurang digunakan dan keadaan persekitaran biasa;
- f) kerosakan mekanikal dan/atau elektrik atau kegendalaan loji pembinaan, peralatan dan mesin pembinaan;
- g) kehilangan atau kerosakan kepada kenderaan yang dilesen untuk kegunaan am di jalan raya atau kenderaan air atau pesawat;
- h) kehilangan atau kerosakan kepada sebarang fail, lukisan, akaun, bil, mata wang, setem, surat ikatan, bukti hutang, nota, sekuriti, cek;
- i) kerugian atau kerosakan yang hanya disedari pada masa membuat inventori.

Peruntukan-Peruntukan Yang Meliputi Seksyen I

Memo 1 – Jumlah Diinsuranskan

Adalah menjadi satu keperluan insurans ini bahawa jumlah diinsuranskan yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah tidak kurang daripada:

Perkara 1: nilai penuh kerja-kerja kontrak apabila selesai pembinaan, termasuk semua bahan, upah, tambang, duti kastam, yuran dan bahan-bahan atau barang-barang yang dibekalkan oleh prinsipal;

Perkara 2: nilai penggantian loji pembinaan, peralatan dan jentera pembinaan: yang bermakna kos penggantian barang dan 3 barang yang diinsuranskan dengan barang-barang baru yang sama jenis dan keupayaannya;

dan Yang Diinsuranskan berjanji akan menambah atau mengurangkan jumlah insurans sekiranya berlaku sebarang perubahan besar dalam gaji atau harga dengan syarat bahawa tambahan atau pengurangan sedemikian hanya akan berkuatkuasa selepas ianya telah dicatatkan dalam Polisi oleh Penginsurans.

Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan, jika didapati bahawa jumlah yang diinsuranskan adalah kurang daripada jumlah yang perlu diinsuranskan, maka jumlah yang boleh dituntut oleh Yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini akan dikurangkan mengikut nisbah antara jumlah.

Memo 2 – Asas Penjelasan Kerugian

Sekiranya berlaku sebarang kehilangan atau kerosakan, asas bagi sebarang penjelasan di bawah Polisi ini adalah

- a) dalam kes kerosakan yang boleh diperbaiki - kos pembaikan yang perlu untuk memulihkan barang-barang kepada keadaan asalnya sebelum berlaku kerosakan, ditolak nilai salvaj, atau
- b) dalam kes kerugian sepenuh - nilai sebenar barang-barang sebelum berlaku kerugian ditolak nilai salvaj.

Bagaimanapun, hanya setakat mana kos yang dituntut perlu ditanggung oleh Yang Diinsuranskan dan setakat mana ianya termasuk dalam jumlah yang diinsuranskan dan dalam semua hal dengan syarat peruntukan-peruntukan dan syarat-syaratnya telah dipatuhi.

Penginsurans akan membuat bayaran hanya selepas berpuas hati dengan segala bil dan dokumen yang perlu dikemukakan untuk menunjukkan bahawa pembaikan telah dilakukan atau penggantian dibuat, yang mana berkenaan. Semua kerosakan yang boleh diperbaiki hendaklah diperbaiki, tetapi jika kos memperbaiki sebarang kerosakan adalah sama dengan atau melebihi nilai barang-barang sebelum berlaku kerosakan, pembayaran akan dibuat atas asas yang ditetapkan oleh b) di atas.

Kos sebarang pembaikan sementara akan ditanggung oleh Penginsurans jika pembaikan sedemikian menjadi sebahagian daripada pembaikan muktamad dan tidak menambah jumlah perbelanjaan pembaikan.

Kos sebarang perubahan, tambahan dan/atau peningkatan tidak boleh dituntut semula di bawah Polisi ini.

Memo 3 – Lanjutan Perlindungan

Caj tambahan bagi kerja lebih masa, kerja malam, kerja pada hari cuti umum, penghantaran ekspres akan dilindungi oleh insurans ini hanya jika dipersetujui terlebih dahulu dan dengan khusus secara bertulis.

SEKSYEN II – TANGGUNGAN PIHAK KETIGA

Penginsurans akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan setakat tetapi tidak melebihi jumlah-jumlah yang ditetapkan dalam Jadual terhadap sebarang jumlah yang perlu dibayar di sisi undang-undang oleh Yang Diinsuranskan sebagai pampasan akibat daripada

- a) kecederaan badan akibat kemalangan kepada atau penyakit dihidapi oleh pihak ketiga (sama ada menyebabkan kematian atau tidak)
- b) kehilangan atau kerosakan akibat kemalangan terhadap pada harta benda kepunyaan pihak ketiga

yang berlaku berkaitan secara langsung dengan pembinaan atau pemasangan barang-barang yang diinsuranskan di bawah Seksyen I dan berlaku di atas atau berhampiran dengan tapak pembinaan dalam Tempoh Perlindungan.

Bagi sebarang tuntutan untuk pampasan yang diliputi oleh indemniti yang diberikan di bawah ini Penginsurans di samping itu akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan terhadap

- a) segala kos dan perbelanjaan tindakan undang-undang yang didapati semula oleh mana-mana pihak penuntut daripada Yang Diinsuranskan; dan
- b) segala kos dan perbelanjaan yang ditanggung dengan kebenaran bertulis Penginsurans; dengan syarat bahawa dalam segala hal tanggungan Penginsurans di bawah seksyen ini tidak akan melebihi had perlindungan yang dinyatakan dalam Jadual.

Polisi Semua Risiko Kontraktor

- *Pendahuluan Bagi Kehilangan Untung Prinsipal*

BAHAWASANYA YANG DIINSURANSKAN yang dinamakan dalam Jadual kepada Polisi ini telah membuat cadangan bertulis kepada **Zurich General Insurance Malaysia Berhad** (seterusnya dirujuk sebagai "Penginsurans") dengan mengisi borang soal selidik yang mana bersama sebarang kenyataan lain yang dibuat secara bertulis oleh Yang Diinsuranskan untuk tujuan Polisi ini dianggap sebagai terkandung di dalamnya.

MAKA POLISI INI MEMPERAKUI bahawa tertakluk kepada Yang Diinsuranskan membayar kepada Penginsurans premium yang dinyatakan dalam Jadual dan tertakluk kepada peraturan-peraturan, pengecualian, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat yang terkandung dalam polisi ini atau sahkan kepadanya, Penginsurans akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan dalam cara dan setakat mana yang ditetapkan seterusnya.

PENGECUALIAN AM

Penginsurans tidak akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan terhadap kehilangan, kerosakan atau tanggungan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau timbul daripada atau dijadikan lebih buruk oleh

- a) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, pemberontakan tentera, rusuhan, mogok, sekatan masuk, kekacauan awam, kuasa tentera atau rampasan kuasa, sekumpulan orang yang berniat jahat atau orang-orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan sebarang pertubuhan politik, konspirasi, pensitaan, rampasan, pengambilan alih atau pembinasaan atau kerosakan atas perintah sebarang kerajaan yang wujud secara hakikatnya atau secara sah atau oleh mana-mana pihak berkuasa awam;
- b) reaksi nuklear, radiasi nuklear dan pencemaran radioaktif;
- c) tindakan sengaja atau kecuaiian sengaja oleh Yang Diinsuranskan atau wakil-wakilnya;
- d) pemberhentian kerja-kerja, sama ada sepenuhnya atau sebahagian.

Dalam sebarang tindakan, saman atau prosiding lain di mana Syarikat Insurans mendakwa bahawa kerana peruntukan Pengecualian sebarang kehilangan, kemusnahan, kerosakan atau tanggungan tidak dilindungi oleh insurans ini, beban untuk membuktikan bahawa kehilangan, kemusnahan, kerosakan atau tanggungan demikian adalah dilindungi terletak pada pihak Yang Diinsuranskan.

TEMPOH PERLINDUNGAN

Tanggungan Penginsurans akan bermula, walau apa pun tarikh berlainan yang dinyatakan dalam Jadual, sebaik sahaja kerja-kerja bermula atau selepas pemungghahan barang-barang yang dimasukkan dalam Jadual di tapak kerja. Tanggungan Penginsurans terhadap kerja-kerja kontrak yang diinsuranskan akan tamat bagi bahagian-bahagian yang telah diambil alih atau mula digunakan.

Polisi insurans akan tamat selewat-lewatnya pada tarikh yang dinyatakan dalam Jadual. Sebarang lanjutan tempoh insurans adalah tertakluk.

SYARAT-SYARAT AM

1. Sebagai syarat sebelum Penginsurans menerima sebarang tanggungan kerugian di bawah Polisi ini, Yang Diinsuranskan dengan sewajarnya hendaklah mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan Polisi ini setakat yang melibatkan apa yang harus dilakukan atau dipatuhi oleh Yang Diinsuranskan dan memastikan kebenaran kenyataan dan jawapan yang diberikan dalam soal selidik dan cadangan.

Pengecualian Khas kepada Seksyen II

Penginsurans tidak akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan terhadap

1. Jumlah boleh dipotong yang dinyatakan dalam Jadual sebagai perlu ditanggung oleh Yang Diinsuranskan bagi mana-mana satu kejadian;
2. Perbelanjaan yang ditanggung dalam melakukan atau melakukan semula atau memperbaiki semula atau memperbaiki atau menggantikan apa-apa yang dilindungi atau boleh dilindungi di bawah Seksyen I Polisi ini;
3. Kerosakan kepada sebarang harta benda atau tanah atau bangunan yang diakibatkan oleh gegaran atau oleh sokongannya ditanggalkan atau dilemahkan atau kecederaan kepada sesiapa atau kerosakan apa-apa harta benda yang berpunca daripada atau disebabkan oleh kerosakan sedemikian (kecuali dipersetujui secara khusus melalui pengendorsan);
4. Tanggungan yang berpunca daripada
 - a) kecederaan badan kepada atau kesakitan kakitangan atau pekerja Kontraktor (Kontraktor-Kontraktor) atau Prinsipal (Prinsipal-Prinsipal) atau mana-mana firma lain yang terlibat dengan projek yang sepenuhnya atau sebahagiannya diinsuranskan di bawah Seksyen I, atau anggota keluarga mereka;
 - b) kerugian atau kerosakan kepada harta benda yang dimiliki oleh atau di bawah jagaan, simpanan atau kawalan Kontraktor (Kontraktor-Kontraktor) atau Prinsipal (Prinsipal-Prinsipal) atau mana-mana firma lain yang terlibat dengan projek yang sepenuhnya atau sebahagiannya diinsuranskan di bawah Seksyen I, atau kakitangan atau pekerja salah satu daripada pihak tersebut;
 - c) sebarang kemalangan yang disebabkan oleh kenderaan yang dilesenkan untuk kegunaan am di jalan raya atau kenderaan air atau pesawat;
 - d) sebarang perjanjian oleh Yang Diinsuranskan untuk membayar sebarang jumlah sebagai ganti rugi atau secara lain melainkan tanggungan sedemikian terpaksa diterima walaupun tiada perjanjian tersebut.

Syarat-Syarat Khas kepada Seksyen II

1. Sebarang pengakuan, tawaran, janji, pembayaran atau indemniti tidak boleh dibuat oleh atau bagi pihak Yang Diinsuranskan tanpa kebenaran bertulis Penginsurans, yang berhak, jika berhasrat demikian, untuk mengambil alih dan menjalankan, di atas nama Yang Diinsuranskan, pembelaan atau penyelesaian sebarang tuntutan atau membuat dakwaan, di atas nama Yang Diinsuranskan bagi faedah mereka sendiri, terhadap sebarang tuntutan bagi tanggungan kerugian atau ganti rugi atau selainnya dan boleh menggunakan budi bicara sendiri sepenuhnya dalam menjalankan sebarang prosiding atau menyelesaikan sebarang tuntutan, dan Yang Diinsuranskan dikehendaki memberikan segala maklumat dan bantuan yang mungkin diperlukan oleh Penginsurans.
2. Penginsurans boleh, bagi sebarang kemalangan yang berkaitan, membayar kepada Yang Diinsuranskan had jumlah ganti rugi bagi mana-mana satu kemalangan (tetapi selepas menolak darinya dalam kes sedemikian sebarang jumlah atau jumlah-jumlah yang telah pun dibayar sebagai pampasan bagi kemalangan tersebut) atau sebarang jumlah lebih kecil yang boleh menyelesaikan tuntutan yang timbul daripada kemalangan sedemikian dan Penginsurans seterusnya tidak akan mempunyai sebarang tanggungan selanjutnya terhadap kemalangan tersebut di bawah Seksyen ini.

SEKSYEN III – PENDAHULUAN BAGI KEHILANGAN UNTUNG PRINSIPAL

Penginsurans akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan – yang dinamakan Prinsipal dalam Jadual kepada Seksyen 1 Polisi ini – bagi kehilangan untung kasar yang sebenarnya dialami kerana pengurangan perolehan dan kenaikan kos kerja seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen ini, jika pada bila-bila masa dalam tempoh insurans yang dinyatakan dalam Jadual kepada Seksyen ini, kerja kontrak yang diinsuranskan atau mana-mana bahagian daripadanya mengalami kehilangan atau kerosakan yang dilindungi di bawah Seksyen 1 Polisi, melainkan dikecualikan secara khusus dalam Seksyen ini, yang menyebabkan gangguan dalam kerja pembinaan yang mengakibatkan kelewatan bermula dan/atau gangguan kepada perniagaan yang diinsuranskan, yang seterusnya dirujuk sebagai “kelewatan”.

Jumlah yang perlu dibayar sebagai indemniti di bawah ini adalah:

- terhadap kehilangan untung kasar: jumlah yang diperolehi daripada hasil darab kadar untung kasar dengan jumlah perolehan sebenar dalam tempoh indemniti yang kurang daripada perolehan yang sepatutnya dicapai jika kelewatan tidak berlaku;
- terhadap peningkatan kos kerja; perbelanjaan tambahan ditanggung yang perlu dan wajar untuk tujuan semata-mata mengelakkan atau menghadkan pengurangan perolehan, yang tanpa perbelanjaan tersebut, akan dialami dalam tempoh indemniti, tetapi tidak melebihi jumlah yang diperolehi daripada hasil darab kadar untung kasar indemniti jumlah pengurangan perolehan yang telah dielakkan.

Jika jumlah tahunan yang diinsuranskan di bawah ini adalah kurang daripada jumlah yang diperolehi daripada hasil darab kadar untung kasar dengan perolehan tahunan, jumlah yang perlu dibayar akan dikurangkan secara sekadar.

DEFINISI

Tempoh Insurans	Tempoh insurans ialah tempoh yang dinyatakan dalam Jadual kepada Seksyen ini, dan tamat pada tarikh yang dinyatakan dalam Jadual atau pada mana-mana tarikh lebih awal apabila perlindungan kerosakan ketara CAR dalam Seksyen 1 berakhir.
Tarikh perniagaan diinsuranskan dijadualkan bermula	Tarikh yang dinyatakan dalam Jadual kepada Seksyen ini atau pada mana-mana tarikh pindaan yang mana perniagaan sepatutnya bermula jika kelewatan tidak berlaku.
Tempoh Indemniti	Tempoh di mana keputusan perniagaan terjejas oleh kesan kelewatan, bermula pada tarikh mula perniagaan diinsuranskan yang dijadualkan dan tidak melebihi tempoh indemniti maksimum yang dinyatakan dalam Jadual kepada Seksyen ini.
Lebih masa	Tempoh yang dinyatakan dalam Jadual kepada Seksyen ini di mana Penginsurans tidak menanggung kerugian. Jumlah yang dikenakan hendaklah dikira dengan mendarabkan nilai purata kerugian harian yang dialami dalam tempoh indemniti mengikut bilangan hari yang dipersetujui sebagai lebih masa.
Perolehan	Jumlah wang (ditolak diskaun dibenarkan) yang dibayar atau perlu dibayar kepada Yang Diinsuranskan bagi kediaman yang disewakan atau perkhidmatan lain yang diberikan dalam urusan perniagaan yang diinsuranskan di premis.
Perolehan tahunan	Perolehan yang, jika kelewatan tidak dialami, sepatutnya dicapai dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh mula perniagaan diinsuranskan yang dijadualkan.
Untung kasar tahunan	<p>Jumlah di mana nilai perolehan tahunan melebihi jumlah perbelanjaan kerja yang dinyatakan.</p> <p>Perbelanjaan kerja yang dinyatakan hendaklah merangkumi sebarang kos boleh ubah, cth kos yang ditanggung bagi pemerolehan barangan, bahan dan juga bekalan dan perkhidmatan (melainkan diperlukan untuk penyenggaraan operasi) dan sebarang perbelanjaan bagi cukai perolehan, yuran lesen dan royalti dll, memandangkan kos tersebut bergantung kepada perolehan.</p>
Kadar untung kasar	Kadar yang, jika kelewatan tidak dialami, sepatutnya diraih berasaskan perolehan dalam tempoh indemniti.

Pengecualian khas kepada Seksyen III

Penginsurans tidak bertanggungjawab terhadap

1. Kehilangan untung kasar dan/atau kos kerja lebih tinggi akibat sebarang kelewatan yang disebabkan oleh atau timbul daripada
 - 1.1. kerugian atau kerosakan yang dilindungi di bawah Seksyen 1 atau menerusi pengendorsan, melainkan telah dipersetujui khusus secara bertulis;
 - 1.2. gempa bumi, letusan gunung berapi, tsunami, melainkan telah dipersetujui khusus secara bertulis;
 - 1.3. kehilangan atau kerosakan harta benda sekitar, jentera pembinaan, loji dan peralatan;
 - 1.4. kehilangan atau kerosakan media atau suapan operasi, kekurangan, kemusnahan, kemerosotan atau kerosakan apa-apa bahan yang diperlukan bagi perniagaan diinsuranskan;
 - 1.5. sebarang sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa awam;
 - 1.6. ketiadaan dana;
 - 1.7. pindaan, penambahan, penambahbaikan, pembetulan kerosakan atau kesilapan atau membaiki sebarang kekurangan dilakukan selepas berlaku kejadian;
 - 1.8. kehilangan atau kerosakan barangan yang diambil alih atau diambil untuk digunakan oleh Yang Diinsuranskan atau yang mana perlindungan di bawah Seksyen 1 Polisi ini telah berakhir;
2. sebarang kerugian disebabkan oleh denda atau kerosakan kerana pelanggaran kontrak, bagi pesanan yang terlewat atau tidak dapat dipenuhi, atau bagi sebarang bentuk denda;
3. kerugian perniagaan atas sebab seperti penggantungan, penamatan atau pembatalan sewa, lesen atau arahan dll yang berlaku selepas tarikh mula sebenar perniagaan;
4. kerugian atau kerosakan kepada kerja pembinaan berbentuk prototaip, melainkan dipersetujui secara khusus menerusi pengendorsan.

Peruntukan-Peruntukan yang Meliputi Seksyen III

Memo 1 – Lanjutan tempoh

Sebarang lanjutan tempoh insurans di bawah Seksyen 1 Polisi tidak akan secara automatik menyebabkan lanjutan tempoh insurans yang dinyatakan dalam Jadual kepada Seksyen ini.

Sebarang lanjutan tempoh insurans di bawah Seksyen Polisi ini hendaklah diminta secara bertulis seawal yang mungkin oleh Yang Diinsuranskan, dengan menyatakan keadaan yang menimbulkan keperluan bagi lanjutan tersebut, dan berkuat kuasa ke atas Seksyen ini hanya jika dipersetujui khusus secara bertulis.

Sebarang perubahan tarikh mula perniagaan diinsuranskan yang dijadualkan hendaklah dilaporkan dan berkuat kuasa ke atas Seksyen ini hanya jika dipersetujui khusus secara bertulis.

Memo 2 – Asas bagi penjelasan kerugian

Apabila mengira kadar untung kasar dan perolehan tahunan, perkara berikut hendaklah diambil sebagai pertimbangan:

- a) keputusan perniagaan diinsuranskan untuk tempoh 12 bulan selepas bermula,
- b) perbezaan dan keadaan khas yang mungkin mempengaruhi perniagaan diinsuranskan jika kelewatan tidak berlaku;
- c) perubahan dan keadaan khas yang mempengaruhi perniagaan diinsuranskan selepas bermula;

supaya perangkaan akhir mewakili sehampir yang boleh dilakukan secara munasabah keputusan yang mungkin dicatatkan oleh perniagaan diinsuranskan selepas tarikh mula terjadual sekiranya kelewatan tidak berlaku.

Memo 3 – Pemulangan premium

Jika Yang Diinsuranskan memperakui (disahkan oleh juruaudit Yang Diinsuranskan) bahawa kadar untung kasar yang diraih dalam tempoh perakaunan dua belas bulan selepas tarikh mula perniagaan insurans atau tarikh di mana melainkan kelewatan tersebut perniagaan sepatutnya bermula adalah kurang daripada jumlah yang diinsuranskan terhadapnya, kadar pemulangan premium prorata tidak melebihi satu pertiga daripada premium yang dibayar hendaklah dibuat bagi perbezaan tersebut.

Jika sebarang kerugian atau kerosakan yang berlaku yang menimbulkan tuntutan di bawah Polisi ini, maka pemulangan hendaklah dibuat bagi perbezaan yang tidak disebabkan oleh kerosakan sedemikian.

Syarat-syarat khas kepada Seksyen III

1. Yang Diinsuranskan hendaklah mengemukakan kepada Penginsurans laporan kemajuan yang dikemaskinikan pada selang masa yang dinyatakan dalam Jadual kepada Seksyen ini.
2. Sekiranya terdapat sebarang perubahan ketara kepada risiko asal seperti
 - perubahan dari segi program penyiapan yang dirancang
 - pindaan, perubahan atau penambahan kepada sebarang item kerja
 - penyimpangan daripada kaedah pembinaan yang ditetapkan
 - perubahan dalam kepentingan Yang Diinsuranskan (seperti pemberhentian atau pembubaran perniagaan atau perniagaan diletakkan di bawah kuasa penerima)

yang berlaku, Polisi adalah batal melainkan penyambungannya dipersetujui menerusi memorandum yang ditandatangani oleh Penginsurans.

3. Sekiranya berlaku sebarang kejadian yang mungkin menyebabkan kelewatan atau menimbulkan tuntutan di bawah Seksyen ini:
 - a) Yang Diinsuranskan hendaklah serta-merta memaklumkan Penginsurans menerusi telefon atau telegram dan menghantar pengesahan bertulis mengenainya dalam masa empat puluh lapan jam selepas kejadian;
 - b) Yang Diinsuranskan hendaklah melakukan dan bersetuju untuk melakukan dan membenarkan dilakukan semua perkara tersebut seperti yang boleh dilakukan secara munasabah untuk mengurangkan atau menetapkan sejauh mana sebarang gangguan terhadap kerja pembinaan untuk mengelakkan atau mengurangkan sebarang kelewatan yang timbul daripadanya;
 - c) Penginsurans dan setiap orang yang diberi kuasa oleh Penginsurans hendaklah, tanpa menjejaskan mana-mana pihak yang diinsuranskan oleh Polisi ini, dibenarkan memasuki tapak pembinaan di mana kerugian atau kerosakan telah berlaku untuk tujuan rundingan secara langsung dengan kontraktor atau subkontraktor yang bertanggung jawab untuk menentukan sebab mungkin atau sejauh mana kerugian atau kerosakan, kesannya terhadap kepentingan orang diinsuranskan, untuk menilai kemungkinan mengurangkan sebarang kelewatan tarikh mula perniagaan diinsuranskan yang dijadualkan, dan jika perlu membuat sebarang cadangan wajar untuk mengelakkan atau mengurangkan kelewatan sedemikian.

Syarat ini hendaklah menjadi bukti tentang pelepasan dan kebenaran Yang Diinsuranskan kepada Penginsurans untuk berbuat demikian. Jika Yang Diinsuranskan atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya menghalang atau mengganggu Penginsurans semasa mana-mana satu daripada tindakan di atas atau tidak mematuhi cadangan Penginsurans, semua manfaat di bawah Seksyen ini akan dibatalkan.

4. Sekiranya timbul tuntutan yang dibuat di bawah Seksyen ini, Yang Diinsuranskan hendaklah atas perbelanjaan sendiri menghantar kepada Penginsurans tidak lewat daripada tiga puluh hari selepas kelewatan atau dalam tempoh selanjutnya yang dibenarkan oleh Penginsurans secara bertulis, satu kenyataan bertulis yang menetapkan butiran tuntutannya. Tambahan lagi, Yang Diinsuranskan hendaklah atas perbelanjaan sendiri menyediakan dan memberi Penginsurans buku akaun dan buku perniagaan lain, cth inovis, lembaran imbangan dan dokumen lain, bukti, maklumat penjelasan dan bukti lain yang mungkin diperlukan oleh Penginsurans untuk tujuan menyiasat atau mengesahkan tuntutan bersama dengan – jika perlu – satu perakuan berkanun tentang kebenaran tuntutan dan sebarang perkara yang berhubung dengannya.

5. Indemniti ini perlu dibayar sebulan selepas jumlah akhir ditentukan. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, Yang Diinsuranskan boleh, sebulan selepas Penginsurans telah dimaklumkan dengan sewajarnya tentang kerugian dan telah mengiktiraf liabilitinya, membuat tuntutan sebagai bayaran pendahuluan kepada jumlah minimum yang perlu dibayar di bawah keadaan yang wujud.

Penginsurans berhak untuk melengahkan pembayaran

- a) Jika terdapat keraguan tentang hak Yang Diinsuranskan untuk menerima bayaran, sehingga bukti yang diperlukan dikemukakan;
- b) Jika disebabkan oleh sebarang kerugian atau kerosakan atau kelewatan dalam permulaan yang dijangkakan bagi perniagaan diinsuranskan, penyiasatan polisi atau jenayah telah dimulakan terhadap Yang Diinsuranskan, sehingga penyiasatan tersebut selesai.

Penginsurans tidak bertanggungjawab untuk membayar faedah atau wang indemniti yang ditahan selain daripada faedah kerana kegagalan pembayaran.

MEMBUAT ADUAN ATAU BANTAHAN

Jika anda mempunyai sebarang aduan mengenai amalan pasaran tidak adil oleh syarikat, anda boleh menghubungi atau menulis kepada:

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

Ombudsman for Financial Services

(Dahulu di kenali sebagai Financial Mediation Bureau)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Tel: 603-2272 2811 Faks: 603-2272 1577 Emel: enquiry@ofs.org.my Website: www.ofs.org.my

BNM LINK

Corporate Communications Department, Bank Negara Malaysia,

P.O Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465 (LINK) Faks: 03-2174 1515 Emel: telelink@bnm.gov.my

PERUNTUKAN CUKAI

Semua premium dan yuran di bawah Polisi ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam inuis dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada pemilik polisi yang Diinsuranskan sebagai tambahan kepada premium dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang, langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

PENTING

Pihak Diinsuranskan hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak Pihak Diinsuranskan, nasihat hendaklah pada sekali diberikan kepada Syarikat dan mengembalikan Polisi untuk perhatian.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad (1249516-V)

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my